



KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM



eBULETIN

BIL. 3/2023
JULAI - SEPTEMBER

JABATAN ALAM SEKITAR

E - ISSN 2710-5644



HARI OZON
SEDUNIA

16 SEPTEMBER

MONTREAL PROTOCOL:
Fixing the ozone layer and
reducing climate change



ozone
secretariat



JABATAN ALAM SEKITAR

BIL. 3 TAHUN 2023
JULAI - SEPTEMBER

*Kumpulan
Editorial*



PENASIHAT

Mashitah binti
Darus



KETUA EDITOR

Hajah Azuri
Azizah binti Haji
Saedon



**TIMBALAN
KETUA EDITOR**

Zuraini binti
Siam



EDITOR

Ts. Ir. Shazana
binti Mohd
Ibrahim



**PENOLONG
EDITOR**

Zainirul Ailis
binti Mustafa



PRAKATA KETUA PENGARAH JAS 4

JULAI 2023

SESI KUNJUNGAN HORMAT KETUA PENGARAH JABATAN ALAM SEKITAR MALAYSIA KEPADA YB TAN SRI DATO' DR. SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI JOHOR	5-6
MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC) TAHUN 2022 JABATAN ALAM SEKITAR (JAS)	7
MESYUARAT ASEAN WORKING GROUP ON ENVIRONMENTAL EDUCATION (AWGEE)	8-9
LAWATAN DELEGASI ASEAN WORKING GROUP ON ENVIRONMENTAL EDUCATION (AWGEE) KE SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN SERI KERAMAT, SELANGOR	10
SESI LIBAT URUS SIRI 1/2023 PROJEK KAJIAN PEMERKASAAN PANGKALAN DATA HYDROCARBON FINGERPRINTING SYSTEM (HYFIS) BAGI MENINGKATKAN KEUPAYAAN SISTEM DALAM MENJALANKAN PEMADANAN PROFIL MINYAK HIDROKARBON DI BAWAH RMKe-12	11
MAJLIS PENTAULIAHAN ORANG YANG BERWIBAWA (OYB) JABATAN ALAM SEKITAR 2023	12-13
MESYUARAT THE 42ND REVOLVING FUND COMMITTEE (RFC)	14
SESI PENYERAHAN BUKU ENVIRONMENTAL BEST MANAGEMENT PRACTICES (GRID DEVELOPMENT'S PROJECT SITE) DARIPADA TENAGA NASIONAL BERHAD (TNB)	15
MESYUARAT THE 42ND REVOLVING FUND COMMITTEE (RFC) MEETING, 20-21 JULAI 2023, SINGAPURA	16
MAJLIS TOWNHALL YB MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI BERSAMA MEDIA DAN AGENSI BERKAITAN PENGURUSAN BENCANA NEGARA	17-18
BENGKEL PENGENALAN DAN LIBAT URUS KEBOLEHLAKSANAAN KAMPUS LESTARI-ANUGERAH ALAM SEKITAR BERSAMA JAS NEGERI, KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI, KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA DAN INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI SERTA LAWATAN TEKNIKAL KE UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU	19-20

OGOS 2023

MESYUARAT JAWATANKUASA KERJA SAMBUTAN HARI ALAM SEKITAR NEGARA (HASN) 2023	21
PERTANDINGAN AKHIR SKETSA ALAM SEKITAR PERINGKAT SEKOLAH MENENGAH SEMPENA HARI ALAM SEKITAR SEDUNIA 2023	22-23
KUNJUNGAN HORMAT OLEH UNITED NATIONS DEVELOPMENT PROGRAM (UNDP), MALAYSIA	25
KUNJUNGAN HORMAT DELEGASI MARITIME AND PORT AUTHORITY BRUNEI DARUSSALAM (MPABD) KE JABATAN ALAM SEKITAR	26
BENGKEL BAGI MEMBINCANGKAN CADANGAN PENUBUHAN ORGANISASI BAGI MENTADBIR URUS PELAKSANAAN MEKANISME PENGURUSAN BUANGAN PERALATAN ELEKTRIK DAN ELEKTRONIK (E-WASTE) DI MALAYSIA	27
PENGUATKUASAAN DAN PEMERIKSAAN PENGOPERASIAN PREMIS DI BAWAH AKTA KUALITI ALAM SEKELILING	28
SESI LIBAT URUS PINDAAN AKTA KUALITI ALAM SEKELILING 1974 (FASA I & FASA II) DARI PERSPEKTIF PENDAKWAAN KES JENAYAH DI BAWAH AKAS 1974	29
SESI LIBAT URUS OILED WILDLIFE RESPONSE BERDASARKAN MALAYSIA OILED WILDLIFE RESPONSE PLAN (MOWREP) BAGI ZON UTARA	30
PERTANDINGAN DEBAT ALAM SEKITAR ANTARA INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI (IPT) KE-29 TAHUN 2023	31-34
THE EIGHTEENTH MEETING OF THE COMMITTEE UNDER THE CONFERENCE OF THE PARTIES TO ASEAN AGREEMENT ON TRANSBOUNDARY HAZE POLLUTION (COM-18)	35

OGOS 2023

MAJLIS 4TH ASEAN ECO-SCHOOLS DAN 2ND ASEAN YOUTH ECO-CHAMPIONS AWARD (AYECA)	36
PROGRAM SISIPAN RAKAN ALAM SEKITAR (RAS) - SEMPERA PERTANDINGAN DEBAT ALAM SEKITAR ANTARA IPT KE-29 TAHUN 2023	37
MESYUARAT PENYELARASAN PELAKSANAAN PEMBANGUNAN PROGRAM PENCEGAHAN DAN PEMANTAUAN KEBAKARAN TANAH GAMBUT SERTA KAWASAN LAIN BERISIKO KEBAKARAN UNTUK MENGATASI JEREBU BIL. 2/2023	38
BENGGEL MEMUKTAMADKAN HASIL KAJIAN SEMAKAN SEMULA KRITERIA DAN STANDARD KUALITI AIR SUNGAI MALAYSIA	39

SEPTEMBER 2023

MESYUARAT KESEMBILAN BELAS MALAYSIA-SINGAPORE JOINT COMMITTEE ON THE ENVIRONMENT WORKING GROUP (MSJCE WG)	40-41
KURSUS PEMANTAPAN PASUKAN PENYELAM JABATAN ALAM SEKITAR ANJURAN BAHAGIAN PENILAIAN	42-43
SEMINAR ON SAFETY AND SUSTAINABILITY IN POLYURETHANE FOAM (PU FOAM)	44
BENGGEL PEMANTAPAN MEDIA SOSIAL JABATAN ALAM SEKITAR TAHUN 2023	45
MESYUARAT JAWATANKUASA INDUK JEREBU DAN CUACA KERING KEBANGSAAN BIL. 2/2023	46
BENGGEL PROJEK DI BAWAH RANCANGAN MALAYSIA KE-12: PENGUKUHAN DASAR DAN PERUNDANGAN ALAM SEKITAR- KAJIAN PEMBENTUKAN LEMBAGA ALAM SEKITAR (ENVIRONMENTAL BOARD)	47
PROGRAM EKSPLORASI DIGITAL DAN BICARA INTELEK SIRI II	48
PROGRAM EKSPLORASI DIGITAL DAN BICARA INTELEK SIRI III	49
BENGGEL PEMANTAPAN PENGUATKUASAAN EIA ANJURAN BAHAGIAN PENILAIAN	50-51

HEBAHAN KOLEKSI BUKU PERPUSTAKAAN EIMAS

52-57

CROSS WORD PUZZLE

58-59

PRAKATA

KETUA PENGARAH JABATAN ALAM SEKITAR



Assalamualaikum wbt

dan Salam Sejahtera,

Setinggi-tinggi syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan rahmatNya eBuletin JAS Bilangan 3/2023 telah Berjaya diterbitkan.

Di kesempatan kali ini, saya ingin mengucapkan sekalung tahniah dan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah terlibat dalam menyumbangkan bahan serta artikel bagi menjayakan eBuletin Bilangan 3/2023 pada kali ini.

eBuletin merupakan wadah yang diterbitkan pada setiap suku tahun bagi menghebahkan kepada umum berkenaan aktiviti dan program yang telah dilaksanakan serta dijayakan oleh JAS. JAS terus mengorak langkah melaksanakan aktiviti Penguatkuasaan dan Pembangunan termasuk aktiviti Komunikasi, Pendidikan dan Kesedaran Awam berkaitan alam sekitar. Untuk Q3 ini, Sambutan Hari Ozon Sedunia 2023 Peringkat Kebangsaan bertarikh 16 September 2023 telah disambut pada 3 Oktober 2023. Tema Hari Ozon Sedunia pada tahun ini adalah "*Montreal Protocol: fixing the ozone layer and reducing climate change*" yang menunjukkan peranan Protokol Montreal yang bukan sahaja melindungi lapisan ozon tetapi juga memberi impak kepada isu perubahan iklim. JAS jua telah menerima anugerah *Europe & Central Asia Montreal Protocol Award for Customs and Enforcement Officers (5th edition)* daripada *United Nations Development Programme (UNDP)* yang mengiktiraf komitmen pegawai penguatkuasa JAS dalam menangani perdagangan haram bahan pemusnah ozon antara negara-negara Kesatuan Eropah dan Asia Tengah.

Akhir kata, marilah kita bersama-sama memacu JAS ke arah kecemerlangan dengan penerapan nilai-nilai positif dan penambahbaikan berterusan dalam memastikan perkhidmatan terbaik dapat disampaikan. Terima kasih kepada semua.

Selamat maju jaya.

"Alam Sekitar, Tanggungjawab Bersama"


DATO' WAN ABDUL LATIFF BIN WAN JAFFAR
Ketua Pengarah Alam Sekitar



SESI KUNJUNGAN HORMAT KETUA PENGARAH JABATAN ALAM SEKITAR MALAYSIA KEPADA YB TAN SRI DATO' DR. SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI JOHOR

5 JULAI 2023, ISKANDAR PUTERI, JOHOR - Satu sesi kunjungan hormat oleh YBrs. Encik Wan Abdul Latiff bin Wan Jaffar, Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar Malaysia, kepada YB. Tan Sri Dato' Dr. Haji Azmi bin Rohani, Setiausaha Kerajaan Johor di Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, Iskandar Puteri.

Hadir sama mengiringi KPAS adalah Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan JAS, YBrs. Puan Mashitah binti Darus, Setiausaha Bahagian Pengurusan Alam Sekitar, Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Puan Roslinda binti Ulang, Pengarah Bahagian Komunikasi Strategik JAS, Puan Hajah Azuri Azizah binti Haji Saedon, Pengarah JAS Negeri Johor, Dr. Mohd Famey Mohd Yusoff, pegawai-pegawai kanan JAS Ibu Pejabat dan JAS Negeri Johor.





Sesi kunjungan hormat ini bertujuan bagi penyelarasan awal Sambutan Hari Alam Sekitar Negara (HASN) 2023 yang akan diadakan di Negeri Johor sebagai tuan rumah peringkat Kebangsaan pada tahun ini.

Hasil perbincangan ini akan diperincikan dan dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Induk HASN 2023 yang akan datang. Semoga peluang kerjasama ini akan memberikan impak yang berterusan dalam melestarikan alam sekitar.

MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC) TAHUN 2022 JABATAN ALAM SEKITAR (JAS)

11 JULAI 2023, DEWAN BAIDURI, WISMA SUMBER ASLI, PUTRAJAYA - Majlis Penyampaian Anugerah APC kepada seramai 114 orang penerima APC 2022 telah disampaikan oleh Ketua Pengarah Alam Sekitar, YBrs Encik Wan Abdul Latiff Wan Jaffar. Penerima APC 2022 ini melibatkan seramai 22 orang penerima daripada Ibu Pejabat, Negeri (89 orang) dan EIMAS (3 orang).

KPAS di dalam ucapannya sentiasa mengingatkan kepada seluruh warga untuk terus komited dalam menjalankan setiap tugas yang diamanahkan dan warga JAS juga haruslah menjadi peneraju terhadap perkara-perkara yang terletak di bawah bidang kuasa JAS.

JAS mengucapkan jutaan tahniah kepada para penerima anugerah. Komitmen dan jasa mereka dalam menggalas tanggungjawab sebagai penjawat awam amatlah dihargai.



MESYUARAT ASEAN WORKING GROUP ON ENVIRONMENTAL EDUCATION (AWGEE)



14 JULAI 2023, KUALA LUMPUR - Mesyuarat ASEAN Working Group on Environmental Education (AWGEE) adalah satu kumpulan kerja AWGEE yang berperanan utama dalam menyokong aspirasi ASEAN Senior Officials on the Environment (ASOEN) untuk meningkatkan persefahaman dan kerjasama erat di antara semua ASEAN Member States (AMS) yang meliputi Brunei, Cambodia, Indonesia, Lao PDR, Myanmar, Filipina, Singapura, Thailand, Vietnam, dan termasuk Malaysia dan Rakan ASEAN (ASEAN Partners) untuk menyelaraskan pendekatan pendidikan alam sekitar di rantau ASEAN. Mesyuarat AWGEE ke-15 telah berlangsung pada 13–14 Julai 2023 di Kuala Lumpur dan ia merupakan pertemuan bersemuka pertama selepas penularan pandemik COVID-19, dan ia juga menandakan bahawa selepas 10 tahun, Malaysia telah dipilih semula untuk menjadi tuan rumah dan Cambodia adalah selaku Pengerusi (Chairperson) AWGEE.

Walau bagaimanapun, Pengerusi AWGEE tidak dapat mempengerusikan Mesyuarat AWGEE ke-15 dan telah memberi mandat kepada Malaysia sebagai Tuan Rumah dengan melantik Encik Wan Abdul Latiff Wan Jaffar, Ketua Pengarah Alam Sekitar, sebagai Timbalan Pengerusi (Vice Chairperson) untuk mengetuai mesyuarat tersebut. Mesyuarat AWGEE ke-15 dengan kehadiran daripada delegasi dari Negara Brunei, Indonesia, Malaysia, Myanmar, Singapura, Thailand, Vietnam serta Lao PDR dan Philippines hadir secara dalam talian. Mesyuarat juga telah dihadiri oleh Rakan ASEAN (ASEAN Partners) yang terdiri daripada ASEAN Centre for Biodiversity (ACB), ASEAN-Japan Centre (AJC), EU SWITCH-Asia, Deutsche Gesellschaft für Internationale Zusammenarbeit (GIZ) dan Cerdas Antisipasi Risiko Bencana Indonesia (CARI).

Delegasi Malaysia ke AWGEE ke-15 telah diketuai oleh Puan Mashitah binti Darus, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan), Jabatan Alam Sekitar (JAS), Puan Hajjah Azuri Azizah binti Haji Saedon, Pengarah Bahagian Komunikasi Strategik, JAS dan bersama dengan wakil daripada Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC), Kementerian Ekonomi, Kementerian Pelajaran Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kementerian Pendidikan Tinggi dan Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI).

Dalam Mesyuarat AWGEE ke-15, ASEC telah melaporkan keputusan berkaitan Mesyuarat ASEAN dan perkara-perkara yang berkaitan, perbincangan mengenai status pelaksanaan Pelan Tindakan AWGEE serta berkongsi pengetahuan dan pengalaman berkaitan kesedaran alam sekitar dalam sistem pendidikan di antara AMS dan Rakan ASEAN. Malaysia juga telah berkongsi pengalaman dalam pelaksanaan Sekolah Lestari (Eco School) di Malaysia.

Malaysia juga berharap melalui platform AWGEE, Malaysia dapat memajukan lagi dan menginstitutionkan kesedaran alam sekitar dalam sistem pendidikan bukan hanya di tempatan tetapi di peringkat ASEAN serta mencapai matlamat bersama di peringkat ASEAN dalam pengurusan dan perlindungan alam sekitar melalui pendidikan alam sekitar.



LAWATAN DELEGASI ASEAN WORKING GROUP ON ENVIRONMENTAL EDUCATION (AWGEE) KE SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN SERI KERAMAT, SELANGOR

14 JULAI 2023, KUALA LUMPUR - Malaysia menjadi tuan rumah bagi penganjuran Mesyuarat Asean Working Group On Environmental Education (AWGEE) ke-15 pada 13- 14 Julai 2023 di Kuala Lumpur. Lawatan ini telah diketuai oleh Puan Hajah Mashitah binti Darus, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) Jabatan Alam Sekitar Malaysia bersama dengan pihak ASEAN Secretariat (ASEC), ASEAN Member States (AMS), ASEAN Partners, Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), LESTARI UKM dan warga JAS. Lawatan ini sebagai perkongsian pengalaman pelaksanaan Sekolah Lestari di Malaysia kepada semua delagasi AWGEE.

Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Keramat, Selangor merupakan penerima Anugerah Sekolah Lestari – Anugerah Alam Sekitar (SLAAS) Sesi 2020-2022 bagi kategori sekolah menengah. Program lawatan ini merupakan penanda aras bagi pelaksanaan Sekolah Lestari di Malaysia dalam memupuk nilai murni dan pembudayaan alam sekitar di kalangan warga sekolah.

SLAAS telah bermula seawal tahun 2005 dan mempraktikkan lima (5) komponen dalam pembentukannya yang terdiri daripada pengurusan, kurikulum, kokurikulum, penghijauan dan elemen khas. Program ini telah berjaya dilaksanakan dengan kerjasama erat antara JAS dan KPM serta rakan strategik iaitu Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI) UKM. Sambutan dan penyertaan sekolah-sekolah seluruh Malaysia terhadap program SLAAS adalah sangat memberangsangkan dan menunjukkan peningkatan setiap tahun.



SESI LIBAT URUS SIRI 1/2023 PROJEK KAJIAN PEMERKASAAN PANGKALAN DATA HYDROCARBON FINGERPRINTING SYSTEM (HYFIS) BAGI MENINGKATKAN KEUPAYAAN SISTEM DALAM MENJALANKAN PEMADANAN PROFIL MINYAK HIDROKARBON DI BAWAH RMKe-12

14 JULAI 2023, SHAH ALAM - Bahagian Air & Marin, Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah mengadakan Sesi Libat Urus Siri 1/2023 Projek Kajian Pemerksaan Pangkalan Data Hydrocarbon Fingerprinting System (HyFiS) Bagi Meningkatkan Keupayaan Sistem Dalam Menjalankan Pemadanan Profil Minyak Hidrokarbon Di Bawah RMKe-12 pada 11 – 13 Julai 2023. Sesi libat urus ini telah dirasmi dan ditutup oleh YBrs Dr. Norhazni binti Mat Sari, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi), JAS.

Seramai 35 peserta telah menghadiri sesi libat urus tersebut, daripada JAS adalah terdiri daripada pegawai-pegawai JAS Ibu Pejabat, JAS Negeri seperti Selangor, Johor, dan Terengganu. Kehadiran peserta daripada luar JAS adalah daripada Jabatan Laut Malaysia (JLM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Jabatan Standard Malaysia (JSM), Jabatan Meteorologi Malaysia, Institut Penyelidikan Perikanan, PETRONAS, Johor Port Berhad, Sabah Port Sdn. Bhd., ALS Technichem (M) Sdn. Bhd., Malaysia Shipowners' Association (MASA), SGS (M) Sdn. Bhd. dan pihak perunding.

Objektif utama sesi libat urus ini adalah untuk membincangkan Laporan Inception yang dikemukakan oleh pihak perunding, mendapatkan input, pandangan dan maklumbalas daripada JAS Negeri dan pemegang taruh berkaitan kajian projek serta halatuju, cadangan dan penambahbaikan kajian yang akan dilaksanakan bagi melengkapkan keseluruhan output yang telah ditetapkan.



MAJLIS PENTAULIAHAN ORANG YANG BERWIBAWA (OYB) JABATAN ALAM SEKITAR 2023

18 JULAI 2023, HOTEL WYNDHAM ACMAR KLANG - Ketua Pengarah Alam Sekitar (JAS), YBrs. Encik Wan Abdul Latiff bin Wan Jaffar telah menyempurnakan majlis pentauliahian Orang Yang Berwibawa (OYB) yang terdiri dalam kalangan warga JAS dan Industri.

Sehingga kini, seramai 9681 Orang Yang Berwibawa telah berjaya dilahirkan melalui Program Pensijilan Profesional Alam Sekitar yang merangkumi bidang-bidang kawalan pencemaran air, udara, buangan terjadual dan penilaian impak kepada alam sekitar daripada industri. Bilangan Orang Yang Berwibawa yang terus meningkat ini menunjukkan komitmen organisasi dalam mengurus perdanakan pengurusan alam sekitar kearah yang lebih cemerlang.





Antara lain YBrS KPAS juga menegaskan berhubung kepentingan untuk seluruh warga kerja JAS meletakkan satu indikator yang menjadi petunjuk dalam pelaksanaan tugas seharian bagi memastikan pelaksanaan tugas dapat dilaksanakan dengan sebaiknya.

Seluruh warga juga bertanggungjawab untuk terus mengekalkan dan terus meningkatkan pengetahuan dan kompetensi dalam tugas dengan penuh beretika, berintegriti dan bertanggungjawab.

Turut hadir dalam majlis ini adalah Timbalan Ketua Pengarah (Operasi), Dr. Norhazni Mat Sari; Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan), Puan Hajah Mashitah Darus dan Pengarah-pengarah Jabatan Alam Sekitar Bahagian dan JAS Negeri.



MESYUARAT THE 42ND REVOLVING FUND COMMITTEE (RFC)

20 - 21 JULAI 2023, SINGAPURA - Mesyuarat Revolving Fund Committee (RFC) ke-42 telah berlangsung di Rendezvous Hotel, Singapura. Mesyuarat ini telah dijalankan selama dua (2) hari melibatkan delegasi-delegasi daripada Malaysia, Singapura, Indonesia dan Malacca Strait Council (MSC) serta dipengerusikan Capt. Muhammad Segar Abdullah, Assistant Chief Executive (Operations), Maritime and Port Authority of Singapore (MPA). Delegasi Malaysia telah diketuai oleh Encik Wan Abdul Latiff bin Wan Jaffar, Ketua Pengarah Alam Sekitar selaku Ketua Delegasi Malaysia dan disertai oleh Encik Norijipin bin Saidi, Pengarah Bahagian Keselamatan Sekuriti dan Alam Sekitar, Jabatan Laut Malaysia (JLM) serta Puan Norina Frederick Sambang, Ketua Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Air dan Marin, JAS. Mesyuarat ini bertujuan untuk membincang laporan kewangan Revolving Fund (RF) bagi tahun 2022/2023, perancangan program, aktiviti dan kos pengoperasian RF serta perkara-perkara yang dibincangkan dalam Mesyuarat Teknikal RFC 2023.

SESI PENYERAHAN BUKU ENVIRONMENTAL BEST MANAGEMENT PRACTICES (GRID DEVELOPMENT'S PROJECT SITE) DARIPADA TENAGA NASIONAL BERHAD (TNB)

20 JULAI 2023, PUTRAJAYA - Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah menerima kunjungan daripada Tenaga Nasional Berhad (TNB) untuk sesi penyerahan buku ENVIRONMENTAL BEST MANAGEMENT PRACTICES (GRID DEVELOPMENT'S PROJECT SITE) bertempat di Perpustakaan Jabatan Alam Sekitar, Putrajaya.

Sesi penyerahan buku tersebut telah disampaikan oleh Encik Azren bin Othman (Head Project Management Office, Grid Development) Tenaga Nasional Berhad (TNB) kepada YBrs Puan Hajah Mashitah binti Darus, Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan, Jabatan Alam Sekitar (JAS).

Buku ini boleh dicapai melalui url <https://enviro2.doe.gov.my/ekmc/> untuk rujukan semua pihak yang berkepentingan.



MESYUARAT THE 42ND REVOLVING FUND COMMITTEE (RFC) MEETING, 20-21 JULAI 2023, SINGAPURA

20 JULAI 2023, RENDEZVOUS HOTEL, SINGAPURA - Mesyuarat ini telah dijalankan selama dua (2) hari melibatkan delegasi-delegasi daripada Malaysia, Singapura, Indonesia dan Malacca Strait Council (MSC) serta dipengerusikan Capt. Muhammad Segar Abdullah, Assistant Chief Executive (Operations), Maritime and Port Authority of Singapore (MPA). Delegasi Malaysia telah diketuai oleh Encik Wan Abdul Latiff bin Wan Jaffar, Ketua Pengarah Alam Sekitar selaku Ketua Delegasi Malaysia dan disertai oleh Encik Norijipin bin Saidi, Pengarah Bahagian Keselamatan Sekuriti dan Alam Sekitar, Jabatan Laut Malaysia (JLM) serta Puan Norina Frederick Sambang, Ketua Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Air dan Marin, JAS. Mesyuarat ini bertujuan untuk membincang laporan kewangan Revolving Fund (RF) bagi tahun 2022/2023, perancangan program, aktiviti dan kos pengoperasian RF serta perkara-perkara yang dibincangkan dalam Mesyuarat Teknikal RFC 2023.



MAJLIS TOWNHALL YB MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI BERSAMA MEDIA DAN AGENSI BERKAITAN PENGURUSAN BENCANA NEGARA

20 JULAI 2023, PUSAT KONVENSYEN ANTARABANGSA PUTRAJAYA (PICC) - Jabatan Alam Sekitar merupakan antara agensi yang terlibat dalam pengurusan bencana negara telah turut serta bersama-sama di dalam Program Townhall YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Sesi TownHall ini antara lain merupakan inisiatif dan komitmen kerajaan dalam menyampaikan maklumat yang telus dan sahih selain daripada pendekatan awal dalam penyaluran maklumat kepada masyarakat berhubung fungsi dan peranan Agensi-agensi yang terbabit.

Bagi JAS YBr. Timbalan Ketua Pengarah (Operasi), Dr. Norhazni Mat Sari turut sama di dalam slot tersebut yang merupakan satu pendekatan yang baik bersama pengamal media di dalam menjawab pelbagai isu secara terus bersama-sama ketua jabatan yang hadir.



Tujuan utama sesi libat urus ini diadakan adalah untuk menyampaikan maklumat secara terus kepada wakil-wakil media berhubung situasi semasa Monsun Barat Daya (MBD) tahun 2023 serta langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh pihak kerajaan dalam menghadapi situasi cuaca panas dan kering, kesihatan dan sekuriti makanan yang turut memberi kesan kepada masyarakat dan negara .

Antara agensi yang terlibat di dalam sesi libat urus ini adalah; Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Jabatan Mineral dan Geosains (JMG), Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) dan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN).



BENKEL PENGENALAN DAN LIBAT URUS KEBOLEHLAKSANAAN KAMPUS LESTARI-ANUGERAH ALAM SEKITAR BERSAMA JAS NEGERI, KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI, KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA DAN INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI SERTA LAWATAN TEKNIKAL KE UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

25-27 JULAI 2023, KUALA TERENGGANU – Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah menganjurkan Bengkel Pengenalan Dan Libat Urus Kebolehlaksanaan Kampus Lestari – Anugerah Alam Sekitar bertempat di Primula Beach Hotel, Kuala Terengganu. Kampus Lestari merupakan inisiatif JAS dalam usaha membudayakan amalan kelestarian dalam persekitaran Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) melalui pemeraksanaan peranan warga kampus. Ini kerana mahasiswa dan mahasiswi memainkan peranan yang besar dalam usaha memastikan pengurusan dan pembudayaan alam sekitar yang lestari khususnya di peringkat kampus. Pelaksanaan Kampus Lestari ini akan melibatkan Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA), Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS), Institut Pendidikan Guru (IPG), Politeknik dan Kolej Komuniti.



Bengkel pengenalan dan libat urus kebolehlaksanaan ini dihadiri oleh 40 pegawai-pegawai dari Jabatan Alam Sekitar, (JAS) Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI) UKM, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK), Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM), UPM Consultancy & Services dan beberapa orang pensyarah daripada UMT, UiTM dan UPM. Bengkel yang dirasmikan oleh Puan Hajah Mashitah binti Darus, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) JAS turut dihadiri oleh Puan Hajah Azuri Azizah binti Haji Saedon, Pengarah Bahagian Bahagian Komunikasi Strategik, JAS Ibu Pejabat dan Encik Ramli bin Abd. Rahman, Pengarah JAS Negeri Terengganu bertujuan untuk memberikan pendedahan dan perkongsian bersama pihak berkepentingan iaitu pegawai JAS, KPT, KPM dan semua IPT di Malaysia bagi hala tuju kebolehlaksanaan Kampus Lestari ini di peringkat yang seterusnya.

Para peserta bengkel juga dibawa melawat ke salah sebuah IPT di Malaysia iaitu Universiti Malaysia Terengganu (UMT) yang terletak berhampiran dengan lokasi bengkel dijalankan pada 27 Julai 2023 bagi memberi perkongsian amalan kelestarian yang telah dilaksanakan di kampus UMT. Delegasi JAS dan para peserta bengkel telah disambut oleh Profesor Ts. Dr. Mohd Zamri bin Ibrahim, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UMT serta para pensyarah yang lain. Peserta didedahkan dengan aktiviti eko-kampus UMT serta lawatan ke Galeri Institut Oseanografi dan Sekitaran (INOS), dan hatchery Institute of Tropical Aquaculture and Fisheries (AKUATROP). JAS dengan berbesar hati mengucapkan penghargaan kepada pihak pengurusan UMT kerana sudi menerima kunjungan dan memberikan perkongsian kepada peserta bengkel mengenai amalan kelestarian UMT.



MESYUARAT JAWATANKUASA KERJA SAMBUTAN HARI ALAM SEKITAR NEGARA (HASN) 2023

2 OGOS 2023, PUTRAJAYA - Mesyuarat JawatanKuasa Kerja Sambutan Hari Alam Sekitar Negara (HASN) 2023 Peringkat Kebangsaan telah dipengerusikan oleh YBrs. Puan Hajah Mashitah binti Darus, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) Jabatan Alam Sekitar (JAS).

Mesyuarat pada kali ini dihadiri oleh Puan Hajah Azuri Azizah binti Haji Saedon, Pengarah Bahagian Komunikasi Strategik, Dr. Mohd Famey bin Yusoff, Pengarah JAS Negeri Johor, pegawai dan wakil dari Bahagian Perancang Ekonomi Negeri (BPEN) Johor, Yayasan Raja Zarith Sofiah, Bahagian Pengurusan Alam Sekitar (BPAS) Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, dan pegawai - pegawai kanan Bahagian Komunikasi Strategik dan JAS Negeri Johor.

Mesyuarat telah membincangkan gerak kerja bagi pelaksanaan aktiviti yang dirancang pada sambutan tersebut. Di samping itu, BPEN Johor dan Yayasan Raja Zarith Sofia juga telah menyatakan komitmen untuk bersama-sama menjayakan sambutan HASN pada tahun ini.

Pengerusi menutup mesyuarat dengan harapan supaya kolaborasi Jabatan dan Kerajaan Negeri terus diperkukuhkan dalam menjayakan sambutan HASN pada kali ini seterusnya matlamat yang penganjuran HASN mencapai objektifnya.



PERTANDINGAN AKHIR SKETSA ALAM SEKITAR PERINGKAT SEKOLAH MENENGAH SEMPENA HARI ALAM SEKITAR SEDUNIA 2023 - #BeatPlasticPollution



3 OGOS 2023, BANGI - Bahagian Komunikasi Strategik, Jabatan Alam Sekitar (JAS) Ibu Pejabat telah menganjurkan Pertandingan Akhir Sketsa Alam Sekitar Peringkat Sekolah Menengah Sempena Hari Alam Sekitar Sedunia 2023 bertempat di Bangi Resort Hotel, Selangor.

Objektif penganjuran program ini adalah untuk menyebarkan luaskan perkara berkaitan kesedaran alam sekitar di kalangan pelajar sekolah dalam masa yang sama menzahirkan pemikiran kreatif usaha melestarikan alam sekitar dalam bentuk sketsa. Selain itu, ianya menjadi satu platform pendedahan kepada pelajar tentang isu-isu pencemaran alam sekitar dan langkah pencegahan bagi mengatasinya. Pertandingan seumpama ini juga dapat memupuk budaya cintakan alam sekitar dan amalan gaya hidup lestari.

Pertandingan akhir ini melibatkan sepuluh (10) buah sekolah yang telah terpilih daripada saringan peringkat awal yang telah bermula sejak bulan Jun yang lalu. Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Baru Sentul telah dinobatkan sebagai Johan pertandingan pada kali ini. Penjurian pertandingan akhir ini diketuai oleh Encik Saifullizan Yahaya, Ketua Bahagian Penyelidikan Sastera, Dewan Bahasa dan Pustaka.



Majlis penutup dan penyampaian hadiah kepada para pemenang pertandingan akhir ini telah disempurnakan oleh YBrs. Dr. Norhazni binti Mat Sari, Timbalan Ketua Pengarah Operasi JAS. Turut sama hadir dan memeriahkan program ini ialah YBrs. Puan Hajah Mashitah binti Darus, Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan JAS dan Puan Hajah Azuri Azidah binti Haji Saedon, Pengarah Bahagian Komunikasi Strategik JAS.

JAS telah melancarkan Buku Kartun Alam Sekitar terbitan JAS untuk menerapkan elemen kenali dan cintakan alam sekitar yang disampaikan dalam bentuk santai dan mudah difahami melalui kartun. Buku kartun ini juga merupakan kesinambungan dari Koleksi Lukisan Kartun Mengenai Alam Sekitar yang telah diterbitkan pada tahun 2005 dan 2008.

Semoga usaha dan program ini diteruskan pada masa yang akan datang demi melahirkan generasi yang peka dan cakna akan alam sekitar.



KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR
DAN PERUBAHAN IKLIM
JABATAN ALAM SEKITAR

Setinggi-Tinggi Ucapan

TAHNIAH

YBhg. DATO' WAN ABDUL LATIFF BIN WAN JAFFAR
Ketua Pengarah Alam Sekitar

di atas pengurniaan
DARJAH KEBESARAN SULTAN AHMAD SHAH PAHANG
PERINGKAT KEDUA
DARJAH SULTAN AHMAD SHAH PAHANG (DSAP)

yang membawa gelaran
DATO'

sempena
Memuliakan Ulang Tahun Hari Keputeraan Yang Ke-64
Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang

pada
4 Ogos 2023

ikhlas daripada
Seluruh Warga Jabatan Alam Sekitar

    **JABATAN ALAM SEKITAR**



SAMA™

KUNJUNGAN HORMAT OLEH UNITED NATIONS DEVELOPMENT PROGRAM (UNDP), MALAYSIA

7 OGOS 2023, PUTRAJAYA - Satu kunjungan Hormat oleh United Nations Development Program (UNDP), Malaysia yang diketuai oleh Pn. Gan Peck Chuan (Interim Head, Nature, Climate & Energy, UNDP Malaysia) ke atas YBrs. Timbalan Ketua Pengarah (Operasi), Dr. Norhazni binti Mat Sari dan Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan), Puan Hajah Mashitah binti Darus telah diadakan di Ibu Pejabat Jabatan Alam Sekitar, Putrajaya. Pegawai-pegawai dari Seksyen Perlindungan Ozon, Bahagian Udara dan wakil-wakil dari UNDP turut serta dalam sesi ini.

Tujuan program ini selain daripada sesi pengenalan antara pihak atasan JAS dengan UNDP, pelbagai perkara seperti pelaksanaan projek HPMP II dan IS14 telah dibincangkan. Sesi pengenalan ini turut dapat memperkukuhkan hubungan dan kerjasama antara JAS dan UNDP, khususnya dalam cadangan penyediaan Pelan Pengurusan Penghapusan Hidroklorofluorokarbon (HCFC) HPMP Peringkat III yang sedang disediakan oleh pakar UNDP bagi memenuhi obligasi negara di bawah Protokol Montreal.



KUNJUNGAN HORMAT DELEGASI MARITIME AND PORT AUTHORITY BRUNEI DARUSSALAM (MPABD) KE JABATAN ALAM SEKITAR

7 OGOS 2023, PUTRAJAYA - Yang Berusaha Timbalan Ketua Pengarah Operasi, Jabatan Alam Sekitar, Dr. Norhazni binti Mat Sari menerima kunjungan hormat daripada delegasi Maritime and Port Authority Brunei Darussalam (MPABD) di Jabatan Alam Sekitar, Putrajaya dan Delegasi MPABD diketuai oleh Puan Salmaya Rahayu binti Salleh, Assistant Chief Executive.

Kunjungan hormat delegasi MPABD bertujuan untuk memperkukuhkan hubungan dua hala dalam hal ehwal pengurusan kawalan tumpahan minyak dan membincangkan hala tuju bagi mengemaskini Standard Operating Procedure (SOP) Joint Oil Spill Combat in the South China Sea Including Brunei Bay for Brunei – Malaysia yang telah dipersetujui oleh kedua-dua Negara pada tahun 1995.

Delegasi MPABD turut melawat ke Pusat Data Alam Sekitar (Environmental Data Centre, EDC) di bawah Program Pengawasan Kualiti Alam Sekitar (Environmental Quality Monitoring Program, EQMP) bagi mendengar taklimat mengenai Rangkaian Stesen Pengawasan Kualiti Air Marin Kebangsaan di Malaysia.



BENKEL BAGI MEMBINCANGKAN CADANGAN PENUBUHAN ORGANISASI BAGI MENTADBIR URUS PELAKSANAAN MEKANISME PENGURUSAN BUANGAN PERALATAN ELEKTRIK DAN ELEKTRONIK (E-WASTE) DI MALAYSIA

9 – 11 OGOS 2023, KUALA LUMPUR - Bahagian Bahan Berbahaya telah mengadakan bengkel membincangkan Cadangan Penubuhan Organisasi bagi Mentadbir Urus Pelaksanaan Mekanisme Pengurusan Buangan Peralatan Elektrik Dan Elektronik (E-Waste) di Malaysia pada 9 hingga 11 Ogos 2023 bertempat di Kuala Lumpur. Objektif utama bengkel ini diadakan adalah untuk mengkaji dan mengenalpasti kaedah dan bentuk penubuhan organisasi yang bersesuaian bagi melaksanakan Mekanisme Pengurusan E-Waste di Malaysia.

Bengkel ini dihadiri oleh Timbalan Ketua Pengarah Operasi JAS, Dr.Norhazni binti Mat Sari serta wakil daripada agensi Kerajaan dan swasta seperti Bahagian Pengurusan Alam Sekitar, Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC), Bahagian Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI), Bahagian Syarikat Pelaburan Kerajaan, Kementerian Kewangan (MOF), Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp), Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA), Bahagian Bahan Berbahaya JAS, Bahagian Pentadbiran dan Kewangan JAS, JAS Negeri dan Panel Pakar Japan International Cooperation Agency (JICA).

Hasil perbincangan daripada bengkel ini diharap dapat membantu JAS untuk memuktamadkan struktur penubuhan organisasi bagi mentadbir urus pelaksanaan Mekanisme Pengurusan E-Waste di Malaysia.



PENGUATKUASAAN DAN PEMERIKSAAN PENGOPERASIAN PREMIS DI BAWAH AKTA KUALITI ALAM SEKELILING

12 OGOS 2023, SELANGOR - YB Dato' Sri Huang Tiong Sii, Timbalan Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC) bersama-sama dengan Jabatan Alam Sekitar (JAS) yang diketuai oleh Dr. Norhazni binti Mat Sari, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi), telah turun padang bagi melihat dan memantau secara dekat pengoperasian premis di Selangor yang dilesenkan oleh JAS di bawah Seksyen 18(1), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 yang menjalankan aktiviti pemerolehan kembali luar tapak bagi buangan terjadual.



SESI LIBAT URUS PINDAAN AKTA KUALITI ALAM SEKELILING 1974 (FASA I & FASA II) DARI PERSPEKTIF PENDAKWAAN KES JENAYAH DI BAWAH AKAS 1974

15 OGOS 2023 - Ketua Pengarah Alam Sekitar, YBhg. Dato' Wan Abdul Latiff bin Wan Jaffar telah mempengerusikan sesi dialog dalam Sesi Libat Urus Pindaan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Fasa I & Fasa II) dari Perspektif Pendakwaan Kes Jenayah Di Bawah AKAS 1974. Sesi libat urus ini melibatkan seramai 23 orang pegawai pendakwa Jabatan Alam Sekitar daripada seluruh Malaysia.

Antara lain libat urus ini berhasrat untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pasukan pendakwaan JAS di mana pasukan siasatan dan pendakwaan juga berperanan penting dalam membendung jenayah alam sekitar yang semakin bertambah. Bahagian Penguatkuasa JAS dengan kerjasama Unit Undang-Undang JAS akan meneruskan sesi libat urus bersama JAS Negeri dalam usaha memantapkan lagi pengetahuan dan kemahiran pegawai pendakwa JAS.

Jabatan berharap agar kes-kes jenayah alam sekitar dapat dibawa ke mahkamah dan diadili dengan sewajarnya. Jabatan percaya semua pegawai pendakwa JAS mempunyai kemampuan untuk memastikan penjenayah alam sekitar menerima hukuman yang setimpal dengan kesalahan yang dilakukan. Jabatan juga akan terus memastikan pegawai pendakwa JAS diberikan latihan serta sokongan yang diperlukan dari segi teknikal penguatkuasaan dan kemahiran pengendalian kes mahkamah. Jabatan juga akan membangunkan satu garis panduan yang boleh dijadikan rujukan oleh pegawai-pegawai JAS dalam mengendalikan kes pendakwaan di mahkamah.

Turut hadir sama dalam sesi libat urus ini Pengarah Bahagian Penguatkuasa JAS, Tuan Haji Shafe'ee bin Yasin dan Puan Siti Noorbaya Jamil, Peguam Kanan Persekutuan NRECC.



SESI LIBAT URUS OILED WILDLIFE RESPONSE BERDASARKAN MALAYSIA OILED WILDLIFE RESPONSE PLAN (MOWREP) BAGI ZON UTARA

15 - 17 OGOS 2023, LANGKAWI - Bahagian Air & Marin, Jabatan Alam Sekitar (JAS) dengan kerjasama PETRONAS Group HSSE dan PETRONAS Dagangan Berhad telah mengadakan Sesi Libat Urus Oiled Wildlife Respond berdasarkan kepada Malaysia Oiled Wildlife Response Plan (MOWReP) bagi Zon Utara pada 15-17 Ogos 2023 di De Baron Resort, Langkawi Kedah. Sesi Libat Urus ini telah dirasmikan oleh YBrs. Dr. Norhazni binti Mat Sari, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) Jabatan Alam Sekitar (JAS).

Seramai 53 orang peserta telah menghadiri sesi libat urus ini yang terdiri daripada pegawai-pegawai JAS Ibu Pejabat dan JAS Negeri (Kedah, Perak, Pulau Pinang dan Perlis), Jabatan Laut Malaysia Cawangan Langkawi (JLM), SUK Kedah, PERHILITAN Semenanjung Malaysia dan Negeri (Kedah, Pulau Pinang, dan Perak) Jabatan Perikanan Malaysia Ibu Pejabat dan Negeri (Kedah, Perak dan Pulau Pinang) Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia dan Negeri (Kedah, Perak dan Pulau Pinang), Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dan Universiti Sains Malaysia (USM). Agensi swasta pula terdiri daripada PETRONAS (GSHE, PDB, DBE), PIMMAG, OSRL, Buraq Oil, Shell dan Petron.

Objektif utama sesi libat urus ini adalah untuk mewawarkan dokumen baharu MOWReP bagi pengurusan hidupan liar yang terkesan oleh insiden tumpahan minyak kepada agensi kerajaan dan swasta, juga untuk meningkatkan kesiapsagaan agensi yang berkaitan dalam menangani hidupan liar di laut dan persisiran pantai sekiranya dicemari minyak serta memastikan kandungan dokumen MOWReP dapat dilaksanakan secara praktikal sebagai panduan dalam aspek penyelamatan hidupan liar akibat pencemaran minyak.



PERTANDINGAN DEBAT ALAM SEKITAR ANTARA INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI (IPT) KE-29 TAHUN 2023

19 HINGGA 27 OGOS 2023, UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA (UTHM), BATU PAHAT, JOHOR - Jabatan Alam Sekitar (JAS) dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), Majlis Debat Universiti Malaysia (MADUM), Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) telah menganjurkan Pertandingan Debat Alam Sekitar antara Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) ke-29 secara hibrid iaitu peringkat awal secara maya manakala peringkat suku akhir, separuh akhir dan akhir secara fizikal di IPT tuan rumah, sebagai satu pendekatan baharu sejak tahun 2022 yang lalu. Pertandingan telah bermula dari 19 hingga 27 Ogos 2023 bersempena Sambutan Hari Alam Sekitar Negara 2023.

Pertandingan Debat Alam Sekitar (DAS) ini bermatlamat untuk meningkatkan pengetahuan mahasiswa, bakal pemimpin yang akan menerajui tampuk kepimpinan negara pada masa hadapan berkenaan isu, dasar, polisi alam sekitar di peringkat negara Malaysia dan antarabangsa.

Debat Alam Sekitar antara IPT merupakan program tahunan sejak tahun 1991 yang dianjurkan oleh JAS dengan kerjasama KPT, MADUM, dan DBP. Pertandingan debat ini dikendalikan secara debat Ala-Parlimen dan debat terbuka. Penentuan pasukan yang bertanding sama ada berperanan sebagai kerajaan atau pembangkang dibuat menggunakan kaedah sistem 'bracket power match' untuk peringkat pusingan awal. Kedudukan setiap pasukan dibuat berdasarkan menang/kalah, juri, julat kemenangan dan markah keseluruhan.

Pertandingan peringkat awal yang dijalankan secara maya melibatkan lima (5) pusingan. Lapan (8) pasukan terbaik dipilih untuk ke peringkat suku akhir dan empat (4) pasukan yang menang pula ke peringkat separuh akhir dan seterusnya dua (2) pasukan terbaik bertanding di peringkat akhir. Senarai pasukan IPT yang menyertai pertandingan adalah seperti di **Jadual 1**.

BIL	IPTA/IPTS/IPG/POLITEKNIK
1	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)
2	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)
3	Universiti Multimedia (MMU)
4	Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)
5	University Poly-Tech Malaysia (UPTM)
6	Universiti Kuala Lumpur (UniKL)
7	Universiti Teknologi MARA (UiTM)
8	Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
9	Universiti Utara Malaysia (UUM)
10	IPG Kampus Kent Tuaran, Sabah
11	Universiti Malaysia Terengganu (UMT)
12	Universiti Teknologi Petronas (UTP)
13	Universiti Tenaga Nasional (UNITEN)
14	Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)
15	IPG Kampus Pendidikan Teknik, Negeri Sembilan
16	Universiti Sains Malaysia (USM)
17	Universiti Malaysia Kelantan (UMK)
18	Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)
19	Universiti Malaya (UM)
20	IPG Kampus Temenggong Ibrahim, Johor
21	Universiti Putra Malaysia (UPM)
22	Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM)
23	Universiti Malaysia Sabah (UMS)
24	IPG Kampus Tun Abdul Razak, Sarawak
25	Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA)
26	Universiti Selangor (UNISEL)
27	Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)
28	IPG Kampus Dato' Razali Ismail, Terengganu
29	IPG Malaysia (IPGM)

Jadual 1: Senarai Pasukan Institusi Pendidikan Tinggi yang Menyertai Pertandingan

Pertandingan Debat Alam Sekitar antara IPT ke-29 Tahun 2023 ini telah diadakan di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) bermula dari 25 hingga 27 Ogos 2023 bersempena sambutan Hari Alam Sekitar Negara (HASN) 2023. Program kesedaran alam sekitar yang lain turut dianjurkan selain perdebatan bagi memberi galakan kepada pelajar dan orang awam untuk lebih mencintai alam sekitar seperti pameran lestari dan program sisipan Rakan Alam Sekitar (RAS) yang diadakan di sekitar kampus UTHM, Batu Pahat.

Pertandingan peringkat akhir yang diadakan pada 27 Ogos 2023 telah berlangsung di Dewan Sultan Ibrahim (DSI) UTHM di antara pasukan Universiti Sains Malaysia (USM) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Majlis perasmian dan penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Ketua Pengarah Alam Sekitar, YBhg. Dato' Wan Abdul Latiff bin Wan Jaffar yang membacakan teks ucapan perasmian YB Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, sambil diiringi oleh Yang Berbahagia Profesor Ir. Ts. Dr. Ruzairi bin Abdul Rahim, Naib Canselor UTHM dan disaksikan oleh YBhg. Prof. Sr. Ts. Dr. Hj. Lokman Hakim bin Hj. Ismail, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) UTHM merangkap Pengerusi Majlis Debat Universiti Malaysia (MADUM).

Johan bagi Pertandingan Debat Alam Sekitar antara IPT ini membawa pulang wang tunai berjumlah RM8,000.00 berserta sijil penyertaan, piala iringan dan Piala Pusingan Menteri NRECC. Manakala bagi naib johan pula menerima wang tunai berjumlah RM5,000.00 berserta piala iringan dan sijil penyertaan dan bagi dua pasukan pencapaian separuh akhir menerima wang tunai RM1,500.00, plak dan sijil penyertaan. Bagi pendebat terbaik peringkat akhir pula menerima wang tunai RM1,500, plak dan sijil penyertaan. Manakala pendebat terbaik liga menerima wang tunai RM1,000.00, plak dan sijil penyertaan. Senarai nama pemenang-pemenang adalah seperti **Jadual 2**.

KATEGORI	NAMA PESERTA DEBAT	NAMA IPT
JOHAN	(1) Nursyazana binti Haron (2) Abdullah bin Nudin (3) Muhamad Hafizi bin Mohd Hanafi (4) Mohamad Firdaus bin Kasah Hamid@Kasmidy	USM
NAIB JOHAN	(1) Muhammad Iman bin Azhar (2) Hafiz Hafizi bin Norependi (3) Adliesyamil Yaasin bin Azman (4) Muhamad Badrul Naim bin Mohd Besri	UKM
SEPARUH AKHIR (KETIGA)	(1) Sharifah Nurjiha binti Syed Mohatha (2) Mohammad Khairul Hilmi bin Mustapha (3) Muhammad Uwais bin Sobri (4) Nur Anis Amira binti Anuar	UniKL
SEPARUH AKHIR (KETIGA)	(1) Anfaal binti Yazid (2) Balqis binti Azmi (3) Daeng Mohd Fikhri bin Eyuki (4) Muhammad Irsyad bin Rosli	IPGM
PENDEBAT TERBAIK AKHIR	Muhamad Hafizi bin Mohd Hanafi	USM
PENDEBAT TERBAIK LIGA	Nur Syahirah Balqis binti Shahrulnizam	UIAM

Jadual 2: Senarai Pemenang Pertandingan Debat Alam Sekitar Antara IPT ke-29 Tahun 2023

KOLEKSI GAMBAR SEKITAR PERTANDINGAN DEBAT ALAM SEKITAR ANTARA INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI (IPT) KE-29 TAHUN 2023



THE EIGHTEENTH MEETING OF THE COMMITTEE UNDER THE CONFERENCE OF THE PARTIES TO ASEAN AGREEMENT ON TRANSBOUNDARY HAZE POLLUTION (COM-18)

22 OGOS 2023, VIENTIANE, LAO – The Eighteenth Meeting Of The Committee Under The Conference Of The Parties To Asean Agreement On Transboundary Haze Pollution (COM-18) telah diadakan pada 22 Ogos 2023 di Vientiane, Lao PDR. Mesyuarat telah dihadiri oleh delegasi dari semua Negara Anggota ASEAN, iaitu Malaysia, Brunei Darussalam, Kemboja, Indonesia, Lao PDR, Myanmar, Filipina, Singapura, Thailand dan Viet Nam. Delegasi Malaysia telah diketuai oleh YBhg. Dato' Wan Abdul Latiff bin Wan Jaffar, Ketua Pengarah Alam Sekitar.

Perjanjian ASEAN mengenai Pencemaran Jerebu Rentas Sempadan adalah perjanjian yang ditandatangani oleh negara-negara anggota Persatuan Negara-negara Asia Tenggara untuk menangani pencemaran jerebu di Asia Tenggara. Perjanjian mengakui bahawa pencemaran jerebu rentas sempadan yang disebabkan oleh kebakaran tanah dan hutan harus dikurangkan melalui usaha nasional dan kerjasama antarabangsa.

Melalui mesyuarat ini, kerjasama di kalangan negara-negara anggota untuk mencapai matlamat perjanjian dapat diperkukuhkan. Delegasi yang hadir telah membentangkan kemajuan dan pencapaian negara masing-masing selain dari berkongsi pandangan dan pengetahuan.



MAJLIS 4TH ASEAN ECO-SCHOOLS DAN 2ND ASEAN YOUTH ECO-CHAMPIONS AWARD (AYECA)

